

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JTP 401 – ETIKA PERNIAGAAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan akan dinilai berasaskan 100 markah.

...2/-

1. Milton Friedman (1962) beranggapan bahawa “tugas utama bisnes adalah membuat keuntungan, tidak lebih dan tidak kurang”. Frederick et al (1992) pula berpendapat “perniagaan tidak boleh elak dari terlibat dalam isu sosial kerana sektor ini pada asasnya merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat dan dengan itu semestinya berkongsi hak dan tanggungjawab bagi mengatasi masalah-masalah masyarakat yang berbangkit”.

Bincangkan kedua-dua pandangan di atas serta kaitkan dengan konsep “Kapitalisme Penyayang” yang terdapat dalam kes “Ben & Jerry’s Homemade: Social Responsibility and Growth”.

(100 markah)

2. AirAsia, sebuah syarikat penerbangan “economy / no frills” yang sedang berkembang pesat dewasa ini di Malaysia, dipercayai mengamalkan budaya organisasi yang mementingkan kedua-dua dwi-kepentingan, insan dan prestasi. Bagi maksud ini, kaedah yang digunakan bagi menerapkan budaya organisasi dalam pembuatan keputusan beretika adalah tindakan bersepadu ataupun integratif. Bincangkan kaedah ini dan bandingkannya dengan tiga alternatif lain dalam matriks tipologi berkenaan.

(100 markah)

3. Amalan etika lumrahnya memberi kesan kepada kenaikan kos, faedahnya pula adalah lebih untuk masyarakat. Namun begitu, amalan sebegini dipercayai akan memberi pulangan jangka panjang dalam bentuk tahap kepercayaan dan kesetiaan yang meluas dalam satu pertalian yang berpanjangan. Kupaskan kenyataan ini dengan memberi satu contoh bagaimana sebuah firma perniagaan di Malaysia memantapkan pengurusan perniagaan beretika dengan mengaitkan secara langsung objektif pencapaian prestasi dengan pematuhan nilai-nilai etika.

(100 markah)

4. Kes “Tobacco Under Fire: Advertising a Harmful Product” membincangkan isu pokok bagaimana sungguhpun sesuatu aktiviti itu tidak menyalahi undang-undang tetapi ianya dianggap sebagai tidak beretika oleh kerajaan dan masyarakat pengguna terutamanya apabila sasaran pengiklanan adalah terhadap kanak-kanak. Berlandaskan kes ini bincangkan persoalan patutkah pengiklanan rokok, dalam apa jua bentuk, diharamkan sama sekali di Malaysia?

(100 markah)

...3/-

5. Pengurusan perniagaan di peringkat global sering terjebak dengan dua kemelut yang berkaitan dengan tanggungjawab melindungi alam sekitar dan membentaras gangguan seksual terhadap kaum wanita. Kemelut-kemelut ini dibincangkan dengan panjang lebar dalam kes-kes "The Wreck of the Exxon Valdez" dan "Mitshibushi: Sexual Harrassment in the Workplace". Bincang serta kemukakan cadangan bagaimana pihak pengurusan sesebuah firma perniagaan dapat mengelakkannya. Anda perlu mengupas SALAH SATU kemelut sahaja.

(100 markah)

- oooOooo -

